Seni Bahasa

Nikmat Kesihatan

Sinar mentari menerangi kota,
Nampak bukit berdiri megah;
Kesihatan diri tanggungjawab kita,
Agar penyakit dapat dicegah.

Susu diperah di bawah dahan,
Lembu dibelai banyak hasilnya;
Mata anugerah ciptaan Tuhan,
Sungguh bernilai tiada gantinya.

Ikan gelama berenang di tepian,
Dipancing Hasan sambil ketawa;
Darah diderma sebagai bantuan,
Buat insan menyambung nyawa.

Dua tiga si anak angsa,
Termasuk pukat kakinya luka;
Gigi dijaga setiap masa,
Bersih memikat pemanis muka.

Rambut | Hidung | Organ | Kebersihan diri

Aktiviti

Mengubah suai pantun berpandukan perkataan yang dicetak berwarna dan mempersembahkannya.

Nilai Murni 4.3.1

- Bimbing murid mengubah suai puisi secara berpandu dan mempersembahkannya secara kreatif.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai
KBAT: Mengaplikasi
EMK: Bahasa

LIVEWORKSHEETS